

Perkara yang anda perlu bawa:

SEBANYAK DOKUMEN YANG ANDA ADA:

- Dokumen-dokumen visa
- Dokumen pengenalan diri
- Penyataan Bank (untuk sokongan farmasi)
- Dokumen perubatan

Perkhidmatan kesihatan percuma lain

Menurut arahan dari Kerajaan Victoria, semua pemohon suaka di negeri Victoria berhak menerima perkhidmatan percuma dari perkhidmatan kesihatan kerajaan sama ada anda memiliki kad Medicare atau tidak.

Perkhidmatan kesihatan awam termasuk:

- Hospital kerajaan
- Perkhidmatan ambulans dalam situasi kecemasan
- Perkhidmatan kesihatan komuniti
- Sokongan kesihatan mental
- Perkhidmatan pergigian
- Imunisasi tambahan

Jika anda perlukan sebarang perkhidmatan patologi, atau ujian imbasan sila datang bertemu dengan kami.

Anda mungkin memerlukan bantuan kami untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan percuma yang menjadi hak anda. Jika anda tidak diberikan penjagaan kesihatan di hospital atau perkhidmatan kesihatan lain, atau anda telah dikenakan bayaran, sila datang bertemu kami.



ASRC menyokong
LGBTQIA+ dalam
perkhidmatan mereka



Program Kesihatan

Isnin, Selasa, Khamis dan Jumaat
(tutup pada hari Rabu)

10:30 pagi - 4:00 petang

📞 03 9274 9898

✉ health@asrc.org.au

Perkhidmatan Alih Bahasa dan Penterjemahan disediakan



Sila maklum jika anda lebih selesa berjumpa dengan doktor perempuan

Beritahu kami tentang keperluan kesihatan anda, kami sedia mendengar.

Pihak ASRC mengiktiraf masyarakat Orang Asli dan Kepulauan Torres Strait sebagai Penduduk Asal dan Penjaga Tradisional tanah di tempat kami menetap, belajar dan bekerja setiap hari. Kami memberi penghormatan kepada mereka, adat resam, kebudayaan dan Ketua mereka dahulu dan pada masa kini. Kami mengiktiraf kedaulatan dan tanah Bangsa Asal tidak pernah hilang. Tanah ini sejak dahulu hingga kini sentiasa milik Orang Asli

Apa yang kami tawarkan di klinik kesihatan kami



Pergigian

Bantuan untuk rujukan pergigian ke Royal Dental Hospital atau Perkhidmatan Kesihatan Komuniti mengikut keperluan.



Pendidikan Kesihatan

Program berkala yang memberikan kemahiran dan pengetahuan untuk mencegah masalah kesihatan.



Janji Temu Perubatan

Kebiasaannya doktor boleh ditemui hampir setiap hari di ASRC Health. Jika anda tidak mempunyai kad Medicare, anda masih boleh mendapatkan khidmat doktor di ASRC Health, dengan membuat janji temu.

Sekiranya anda mempunyai kad Medicare, anda boleh mendapatkan khidmat doktor komuniti.



Bantuan dengan Kos Perubatan

Untuk menyertai program farmasi, anda perlu menjalani penilaian kewangan, termasuk mengemukakan penyata bank selama 3 bulan sekarang dan sekali lagi selepas 6 bulan.



Vaksinasi

Jururawat Imunisasi menyediakan vaksinasi susulan.

Klinik vaksin selesema disediakan.*

*Tempahan perlu dibuat. Hubungi kami untuk butiran lanjut.



Pemeriksaan Pendengaran

Bantuan dengan mendapatkan rujukan ke perkhidmatan pendengaran yang sesuai.



Kesihatan mental & Psikiatri

Anda boleh berjumpa dengan pakar psikiatri walaupun anda tidak mempunyai kad Medicare. Doktor kami boleh menyediakan surat rujukan untuk anda.



Penjagaan oleh Jururawat

Jururawat ada di sini pada setiap hari. Kami boleh bantu membuat janji temu dengan doktor di ASRC atau merujuk anda ke perkhidmatan kesihatan dan komuniti lain.



Penjagaan Mata

Kami mengendalikan klinik mata setiap bulan dan boleh merujuk anda ke Royal College of Optometry. Kami juga membiayai sehingga \$50 untuk kaca mata, kanta, dan bingkai.



Klinik Wanita

Saringan, maklumat & perkhidmatan tentang kesihatan wanita, termasuk kesihatan reproduktif.

Perkhidmatan lain



Podiatri



Fisioterapi & Osteopati



Akupunktur



Pakar Pemakanan



Pendidikan Tentang Diabetes